

**PENGARUH PENGURUSAN DISPLIN
TERHADAP MAKNA HIDUP MURID : PERANAN
ESTIM KENDIRI SEBAGAI MEDIATOR DAN
TINGKAH LAKU BULI SEBAGAI MODERATOR**

SIRE A/P ETUM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**PENGARUH PENGURUSAN DISPLIN
TERHADAP MAKNA HIDUP MURID : PERANAN
ESTIM KENDIRI SEBAGAI MEDIATOR DAN
TINGKAH LAKU BULI SEBAGAI MODERATOR**

oleh

SIRE A/P ETUM

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Disember 2023

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada penyelia utama saya, Dr. Al-Amin Mydin di atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan sepanjang saya menjadi anak didiknya. Dengan bimbingan dan sokongan beliau, barulah dapat saya menyempurnakan tesis ini. Tidak lupa juga ucapan penghargaan kepada penyelia bersama, Prof. Madya Dr. Jamalsafri Saibon dan Prof. Dr. Abdul Ghani Kanesan Abdullah di atas segala bimbingan dan pandangan yang diberikan.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Tajaan Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Malaysia kerana menaja yuran pengajian saya menyambung pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Sekalung ucapan terima kasih juga kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pengetua, guru penolong kanan pentadbiran, guru penolong hal ehwal murid, guru penyelarasan tingkatan 4 dan guru kaunseling di negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang membenarkan saya menjalankan kajian di sekolah. Tidak dilupakan juga murid-murid tingkatan 4 yang telah menjawab soal selidik kajian saya.

Penghargaan tulus ikhlas dan terima kasih kepada keluarga tercinta yang telah memberi sokongan sepanjang tempoh pengajian saya terutamanya ibu saya Lee Su Hua yang tersayang. Teristimewa juga buat suami tersayang, Kiang Liam yang telah menemani saya mengharungi segala cabaran dan dugaan sepanjang tempoh pengajian ini.

Seterusnya, penghargaan jutaan terima kasih kepada anak-anak kesayangan saya Sirechai Saiprawat Kiang, Aranya Saiprawat Kiang, Amalyn Saiprawat Kiang

dan Akarachai Saiprawat Kiang. Tidak lupa juga, Lee Chong Kian selaku bapa saudara saya membantu pengurusan harian kepada ibu saya sepanjang tempoh pengajian saya, tanpa beliau beliau tidak mudah untuk saya menamatkan tempoh pengajian ini.

Penghargaan tulus ikhlas, tidak juga lupa buat rakan-rakan seperjuangan pengajian bersama di universiti yang telah menghulurkan bantuan, memberikan pandangan dan sudi berkongsi pengetahuan sepanjang penyelidikan kajian saya. Saya berdoa agar semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dilimpahi kurnia Tuhan. Jasamu dikenangi dan dihargai buat selama-lamanya.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan kajian	14
1.6 Hipotesis kajian	15
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.7.1 Kementerian Pendidikan Malaysia	15
1.7.2 Pentadbiran Sekolah	16
1.7.3 Persatuan Ibu Bapa dan Guru	16
1.8 Batasan Kajian	19
1.9 Definisi Operasional Kajian	19
1.9.1 Pengurusan Disiplin	19
1.9.2 Tingkah Laku Buli	20
1.9.3 Estim Kendiri	20
1.9.4 Makna Hidup Murid	21

1.10	Rumusan	21
BAB 2	SOROTON KAJIAN	23
2.1	Pengenalan	23
2.2	Pengurusan Disiplin	23
2.2.1	Konsep Pengurusan Disiplin	24
2.2.2	Definisi Pengurusan Disiplin	29
2.2.3	Pengurusan Disiplin	31
2.2.4	Model Pengurusan Disiplin Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	34
2.2.5	Teori Pembelajaran Sosial dan Pengurusan Disiplin	46
2.3	Tingkah Laku Buli	49
2.3.1	Konsep Tingkah Laku Buli	51
2.3.2	Definisi Tingkah Laku Buli	54
2.3.3	Peranan Tingkah Laku Buli	56
2.3.4	Model Interaksi Sosial	60
2.3.5	Teori Pembelajaran Sosial dan Tingkah Laku Buli	61
2.4	Estim Kendiri	63
2.4.1	Konsep Estim Kendiri	66
2.4.2	Definisi Estim Kendiri	71
2.4.3	Peranan Estim Kendiri	76
2.4.4	Teori Hierarki Keperluan Maslow dan Estim Kendiri	81
2.5	Makna Hidup Murid	85
2.5.1	Konsep Makna Hidup	87
2.5.2	Definisi Makna Hidup Murid	95
2.5.3	Model Locke's (1981) Penetapan Tujuan	101
2.5.4	Teori Penetapan Tujuan dan Makna Hidup Murid	102
2.6	Pembinaan Hipotesis	108
2.6.1	Pengaruh Pengurusan Disiplin terhadap Makna Hidup Murid	108

2.6.2	Pengaruh Estim Kendiri terhadap Makna Hidup Murid	112
2.6.3	Pengaruh Pengurusan Disiplin terhadap Estim Kendiri	114
2.6.4	Estim Kendiri Sebagai Mediator Terhadap Hubungan AntaraPengurusan Disiplin Dengan Makna Hidup Murid	116
2.6.5	Tingkah Laku Buli sebagai Moderator terhadap Hubungan AntaraPengurusan Disiplin dengan Makna Hidup Murid	119
2.7	Kerangka Teori	123
2.7.1	Menerokai Teori Berdasarkan Kajian	123
2.7.2	Kerangka Teori Kajian	128
2.7.3	Kerangka Konseptual Kajian	131
2.8	Rumusan	132
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	134
3.1	Pengenalan	134
3.2	Reka Bentuk Kajian	134
3.3	Pemboleh Ubah Kajian	135
3.3.1	Pemboleh Ubah Bebas	135
3.3.2	Pemboleh Ubah Bersandar	136
3.3.3	Pemboleh Ubah Pengantara (Mediator)	136
3.3.4	Pemboleh Ubah Pemboleh Ubah Hubungan (Moderator)	137
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	138
3.4.1	Sampel Kajian	139
3.4.2	Persampelan Kajian	140
3.4.2(a)	Saiz Sampel	142
3.5	Instrumen Kajian	143
3.6	Proses Penterjemahan Instrumen	148
3.7	Kajian Rintis	149
3.7.1	Kesahan Kandungan Soal Selidik	150
3.7.1(a)	Pengekodan Semula Instrumen	153

3.7.1(b)	Kebolehpercayaan Instrumen	155
3.8	Analisis Faktor Eksploratori (EFA)	157
3.8.1	Analisis Faktor Penerokaan Pengurusan Displin	158
3.8.2	Analisis Faktor Penerokaan Tingkah Laku Buli	161
3.8.3	Analisis Faktor Penerokaan Estim Kendiri	163
3.8.4	Analisis Faktor Penerokaan Makna Hidup Murid	165
3.8.5	Kesimpulan Faktor Analisis	166
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	167
3.10	Analisis Data Menggunakan PLS-SEM	168
3.10.1	Model Pengukuran	169
3.10.2	Model Struktural	171
3.11	Kesimpulan	172
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	174
4.1	Pengenalan	174
4.2	Pengumpulan data	174
4.2.1	Maklum balas	174
4.2.2	Ujian Normaliti	175
4.2.3	Ujian <i>Common Method Variance</i> (CMV)	177
4.2.4	Ujian <i>Homoscedasticity</i>	178
4.3	Profil Responden	179
4.3.1	Profil Demografi Responden	179
4.3.2	Penentuan Tahap Pemboleh Ubah Kajian	181
4.3.2(a)	Tahap Pengurusan Disiplin	182
4.3.2(b)	Makna Hidup Murid	184
4.3.2(c)	Estim Kendiri Murid	186
4.3.2(d)	Tingkah laku buli	187
4.4	Analisis Inferensii Kajian	189

4.4.1	Penilaian Model Pengukuran	190
4.4.2	Penilaian Model Struktural	196
4.5	Analisis Mediator (Estim Kendiri)	205
4.6	Analisis Moderator (Tingkah Laku Buli)	206
4.7	<i>Importance-Performance Matrix Analysis (IPMA)</i>	208
4.7.1	Analisis IPMA Pengurusan Disiplin, Estim Kendiri Dan Tingkah Laku Buli Terhadap Makna Hidup Murid	209
4.7.2	Analisis IPMA Pengurusan Disiplin Terhadap Estim Kendiri	211
4.8	Ringkasan Dapatan Keseluruhan Kajian	212
4.9	Kesimpulan Dapatan Kajian	213
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN	215
5.1	Pengenalan	215
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	215
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	219
5.3.1	Perbincangan Pemboleh Ubah Kajian	219
5.3.1(a)	Tahap Pengurusan Disiplin	219
5.3.1(b)	Makna Hidup Murid	221
5.3.1(c)	Estim Kendiri Murid	222
5.3.1(d)	Tingkah Laku Buli	223
5.3.2	Pengaruh pengurusan disiplin dengan makna hidup murid	223
5.3.3	Pengaruh estim kendiri dengan makna hidup murid	226
5.3.4	Pengaruh pengurusan disiplin terhadap estim kendiri	227
5.3.5	Peranan estim kendiri sebagai mediator terhadap hubungan antara pengurusan disiplin dengan makna hidup murid	229
5.3.6	Peranan tingkah laku buli sebagai moderator terhadap hubungan antara pengurusan disiplin dengan makna hidup murid	231
5.4	Implikasi Kajian	233
5.4.1	Implikasi Kajian Terhadap Teori	234

5.5	Implikasi Kajian Terhadap Praktikal	235
5.5.1	Implikasi Kajian Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	236
5.5.2	Implikasi Kajian terhadap Jabatan Pendidikan Negeri	237
5.5.3	Implikasi Kajian Terhadap Pihak Pentadbir Sekolah	238
5.5.4	Implikasi Kajian terhadap Guru Kaunseling	238
5.5.5	Implikasi Kajian terhadap Guru	240
5.5.6	Implikasi Kajian terhadap Institut Aminuddin Baki	240
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	241
5.7	Kesimpulan	243

RUJUKAN	245
----------------------	------------

LAMPIRAN

SENARAI PENERBITAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 Taburan Murid Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang	139
Jadual 3.2 Pengiraan Persampelan Rawak Berstrata Saiz Sampel	141
Jadual 3.3 Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie Dan Morgan (1970).	142
Jadual 3.4 Pemboleh Ubah dan Senarai Item Instrumen Pengurusan Disiplin.....	145
Jadual 3.5 Pemboleh Ubah Dan Senarai Item Instrumen <i>Olweus Bully/Victim Questionnaire</i> (OBVQ)	146
Jadual 3.6 Dimensi dan Senarai Item Instrumen <i>Rosenberg Self Esteem Scale</i> (RSES)	146
Jadual 3.7 Pemboleh Ubah Dan Senarai Item Instrumen <i>Meaning in Life Questionnaire</i> (MLQ)	147
Jadual 3.8 Skala Persetujuan Cohen Kappa	151
Jadual 3.9 Skala Persetujuan Cohen Kappa	152
Jadual 3.10 Keputusan Penilaian Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Soal Selidik	153
Jadual 3.11 Nilai Alpha Cronbach Pemboleh Ubah Instrumen Kajian	157
Jadual 3.12 Indeks Kesepadanan Untuk Analisis Faktor Eksploratori (EFA)	158
Jadual 3.13 Keputusan Analisis KMO dan Bartlett's Test Sphericity Pengurusan Displin	159
Jadual 3.14 Keputusan Analisis KMO dan Bartlett's Test Sphericity Pengurusan Disiplin	159
Jadual 3.15 Keputusan Analisis KMO dan Bartlett's Test Sphericity Makna Hidup Murid	162
Jadual 3.16 Keputusan Analisis Faktor Penerokaan Peranan Tingkah Laku Buli	162
Jadual 3.17 Keputusan Analisis KMO dan Bartlett's Test Sphericity Peranan Estim Kendiri	164

Jadual 3.18	Keputusan Analisis Faktor Penerokaan Peranan Estim Kendiri	164
Jadual 3.19	Keputusan Analisis KMO dan Bartlett's Test Sphericity Makna Hidup Murid	165
Jadual 3.20	Keputusan Analisis Faktor Penerokaan Makna Hidup Murid	166
Jadual 3.21	Garis Panduan Aplikasi Model Pengukuran	171
Jadual 4.1	Taburan Normaliti	176
Jadual 4.2	Maklumat Profil Responden	180
Jadual 4.3	Taburan Skor Min Dan Tafsiran Interpretasi Tahap Skor Min	182
Jadual 4.4	Tahap Pengurusan Disiplin	182
Jadual 4.5	Analisis Item Tahap Pengurusan Disiplin	183
Jadual 4.6	Tahap Makna Hidup Murid	184
Jadual 4.7	Analisis Item Tahap Makna Hidup Murid	185
Jadual 4.8	Tahap Peranan Estim Kendiri	186
Jadual 4.9	Analisis Item Tahap Peranan Estim Kendiri	186
Jadual 4.10	Tahap Peranan Tingkah Laku Buli	187
Jadual 4.11	Analisis Item Tahap Peranan Tingkah Laku Buli	188
Jadual 4.12	Nilai Outer Loading Setiap Item	192
Jadual 4.13	Alpha Cronbach dan Composite Reliability	194
Jadual 4.14	Kesahan Konvergen (Average Variance Extracted)	194
Jadual 4.15	<i>Fornell-Larcker Criteria</i>	195
Jadual 4.16	Nilai <i>Heterotrait-Monotrait Ratio Of Correlations</i> (HTMT)	196
Jadual 4.17	Nilai Collinearity Keempat-Empat Pemboleh Ubah Dan Item.	198
Jadual 4.18	Keputusan Model Struktural	201
Jadual 4.19	Nilai Varians R^2	202
Jadual 4.20	Nilai Pekali Penentuan Coefficient of Determination (R^2)	203
Jadual 4.21	Saiz Kesan (f^2)	204
Jadual 4.22	Nilai Q^2 Penilaian Ramalan Kerelevanan	205

Jadual 4.23	Keputusan Analisis Pengaruh Mediator	206
Jadual 4.24	Nilai IPMA Pemboleh Ubah Pengurusan Disiplin, Peranan Estim Kendiri Dan Tingkah Laku Terhadap Makna Hidup Murid.	211
Jadual 4.25	Analisis IPMA Pemboleh Ubah Pengurusan Disiplin Terhadap peranan Estim Kendiri	212
Jadual 4.26	Ringkasan Kesemua Pengujian Hipotesis Kajian	212

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Model Pengurusan Disiplin KPM (1988)	35
Rajah 2.2 Model Interaksi Sosial	60
Rajah 2.4 Model Locke's 1981	102
Rajah 2.5 Model Determinisme Timbal Balik Bandura (1977)	124
Rajah 2.6 Kerangka Teori Kajian	128
Rajah 2.7 Kerangka Konseptual Kajian	131
Rajah 4.1 Ujian <i>Homoscedasticity</i> (<i>Scatterplot</i>)	179
Rajah 4.2 Model Pengukuran	191
Rajah 4.3 Model Struktural	197
Rajah 4.4 Model Struktural Dengan Nilai β Dan Nilai t Empirikal	200
Rajah 4.5 Model Berstruktural Dengan Nilai R^2 Pengurusan Disiplin	203
Rajah 4.6 Analisis Moderator	207
Rajah 4.7 IPMA Pemboleh Ubah Pengurusan Disiplin, Estim Kendiri dan Tingkah Laku Buli terhadap Makna Hidup Murid	209
Rajah 4.8 Analisis Kepentingan Dan Prestasi Pemboleh Ubah Tidak Bersandar terhadap Pemboleh Ubah Mediator Kajian	211

SENARAI SINGKATAN

AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
CMV	<i>Common method variance</i>
EFA	Analisis Faktor Eksploratori
EK	Estim Kendiri
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
HEM	Unit Hal Ehwal Murid
IPMA	<i>Importance-Performance Matrix Analysis</i>
JERIS	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek Dan Sosial
MHM	Makna Hidup Murid
KMO	<i>Kaiser Meyer Olkin</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MLQ	<i>Meaning in Life Quality</i>
OBVQ	<i>Olweus Bully/Victim Questionare</i>
PCA	<i>Principal Component Analysis</i>
PDS	Pengurusan Disiplin Sekolah
PLS-SEM	<i>Partial Least Squares</i>
REBT	Rasional Emotif Tingkah Laku
RSES	<i>Rosenberg Self Esteem Scale</i>
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SSDM	Sistem Salah Laku Diri Murid
TLB	Tingkah Laku Buli

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Soal Selidik
Lampiran B	Surat Perlantikan Pakar Pengesahan Kesesuaian SetSoal Selidik
Lampiran C	Surat Pengesahan Terjemahan Instrumen
Lampiran D	Surat Pelantikan Pakar Terjemahan Set Soal Selidik
Lampiran E	Surat Kebenaran Menjawab Survey Kajian
Lampiran F	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (ERAS)
Lampiran G	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
Lampiran H	Model Struktural

**PENGARUH PENGURUSAN DISPLIN TERHADAP MAKNA HIDUP
MURID : PERANAN ESTIM KENDIRI SEBAGAI MEDIATOR DAN
TINGKAH LAKU BULI SEBAGAI MODERATOR**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh pengurusan disiplin terhadap makna hidup murid dalam kalangan murid Sekolah Menengah Kebangsaan harian biasa di negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Selain itu, kajian ini turut mengkaji peranan tingkah laku buli sebagai moderator dan estim sendiri sebagai mediator dalam hubungan antara pengurusan disiplin dengan makna hidup murid. Data bagi kajian tinjauan ini diperoleh dari 375 orang murid tingkatan 4 yang dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik yang diedarkan secara atas talian dengan menggunakan *Google Form*. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada empat bahagian iaitu Pengurusan Disiplin (Kalaichalvi, 2012), instrumen terjemahan *Olweus Bully/Victim Questionnaire* (Goncalves et al, 2016), *Rosenberg Self-Esteem Scale Greek Validation of Student Sample* (Galanau et al, 2014) dan *Meaning In Life Questionnaire* (Steger et al., 2006). Data kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan analisis model struktural dengan menggunakan Smart PLS-4. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengurusan disiplin, tingkh laku buli, estim sendiri dan makna hidup murid berada pada tahap tinggi. Berdasarkan analisis model struktural, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pengaruh secara signifikan pengurusan disiplin terhadap makna hidup murid ($\beta=.207$, $t=4.566$, $p<.001$) dan estim sendiri ($\beta=0.443$, $t=11.128$, $p<.001$); serta estim sendiri pula mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap makna hidup murid ($\beta=.546$, $t=12.424$, $p<.001$). Seterusnya keputusan analisis pekali penentuan

(r^2) pula menunjukkan bahawa estim sendiri ($r^2 = .196$) mempunyai pengaruh yang kecil terhadap makna hidup murid (r^2), manakala tingkah laku buli ($r^2 = .441$) pula mempunyai pengaruh sederhana terhadap makna hidup murid (r^2). Akhir sekali dapatan pengujian kaedah bootstrap pula mendapati estim sendiri berperanan sebagai mediator secara signifikan terhadap hubungan antara pengurusan disiplin dengan makna hidup murid. Manakala tingkah laku buli pula tidak berperanan sebagai moderator secara signifikan terhadap hubungan antara pengurusan disiplin dengan makna hidup murid. Kesimpulannya, dapatan kajian ini tidak menafikan sumbangan langsung pengurusan disiplin dan estim sendiri terhadap makna hidup murid berkualiti namun pihak pengurusan sekolah hendaklah bijak menggunakan kedua-dua aspek ini secara kreatif bagi meningkatkan makna hidup murid disamping mengelakkan tingkah laku buli berlaku dalam kalangan murid sekolah.

**THE INFLUENCE OF DISCIPLINE MANAGEMENT ON STUDENTS
MEANING OF LIFE : THE ROLE OF SELF-ESTEEM AS MEDIATOR AND
BULLYING BEHAVIOR AS MODERATOR**

ABSTRACT

The aim of this study is to investigate the influence of discipline management towards students' meaning in life in daily National Secondary School in the states of Perlis, Kedah and Penang. In addition, this study also examines the role of bullying behavior as a moderator and self-esteem as a mediator in the relationship between discipline management and students' meaning in life. The data for this study was obtained from 375 Form 4 students who were randomly selected to answer a set of questionnaire which was distributed online using Google Form. The questionnaire used in this study consists of four parts, namely Discipline Management (Kalaichalvi, 2012), translation instrument of Olweus Bully/Victim Questionnaire (Goncalves et al, 2016), Rosenberg Self-Esteem Scale Greek Validation of Student Sample (Galanau et al, 2014) and the Meaning In Life Questionnaire (Steger et al, 2006). The data of this study was analyzed using descriptive statistics and structural model analysis using Smart PLS-4. The findings of the study revealed that the level of discipline management, bullying behavior, self-esteem and students' meaning in life are at a high level. Based on structural model analysis, the findings shows that there is a significant influence of discipline management on the students' meaning in life ($\beta=.207$, $t=4.566$, $p<.001$) and self-esteem ($\beta=0.443$, $t=11.128$, $p<.001$) and meanwhile self-esteem has a significant influence on the student's meaning in life ($\beta=.546$, $t=12.424$, $p<.001$). Next, the results of the coefficient of determination analysis (r^2) show that self-esteem ($r^2=.196$) has a small influence on the meaning of

students' meaning in life, while bullying behavior ($r^2 = .441$) has a moderate influence on the students' meaning in life. Finally, the findings of the bootstrap method found that self-esteem plays a significant role as a mediator in the relationship between discipline management and the students' meaning in life. Meanwhile, bullying behavior does not play a significant role as a moderator in the relationship between discipline management and students' meaning in life. In conclusion, the findings of this study do not deny the direct contribution of discipline management and self esteem in enhancing the quality of students' meaning in life, but the school management should be creative in manipulating these two aspects to increase the students' meaning in life in order to prevent bullying behavior from occurring among school students.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Dasar Pendidikan Malaysia pada hari ini berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara (FPK) sebagai usaha berterusan untuk mengembangkan potensi peribadi secara menyeluruh dan bersepadu agar dapat mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi kecerdasan, semangat, emosi, dan badan berdasarkan iman dan kepatuhan kepada Tuhan (Rosli et al., 2022). Oleh itu, KPM berhasrat untuk berusaha lagi melahirkan modal insan dalam hab pendidikan di negara ini (Hamat & Nordin, 2012). Pelaksanaan hasrat ini hanya dapat melalui sekolah. Dengan ini, secara rasminya sekolah sebagai peneraju wadah pendidikan utama bertanggungjawab melahirkan modal insan yang harmonis, bersepadu dan seimbang seperti mana tertera dalam FPK di negara Malaysia (Rosli et al., 2022). Walau bagaimana pun tidak semudah itu untuk mencapai hasrat tersebut kerana cabaran menangani masalah disiplin dalam kalangan murid masih tidak berjaya menangani sepenuhnya di sekolah (Ibrahim et al., 2014). Secara hakikatnya, sekolah memikul tanggungjawab berat dalam membangunkan sahsiah murid selain membekalkan ilmu supaya setiap murid menjadi insan berguna kepada diri, keluarga, bangsa dan negara (Tunggak et al., 2015).

Masalah salah laku menjadi satu masalah serius dalam kalangan murid disekolah (Kalam, 2016). Hal ini menjadi satu cabaran dalam pengurusan disiplin di sekolah. Schubungan itu, sekolah harus berusaha menjalankan pelbagai pendekatan alternatif pengurusan disiplin untuk merealisasikan hasrat kemenjadian pandangan positif murid terhadap pelaksanaan peraturan sekolah yang telah ditetapkan

(Dahaman et al., 2023). Pengurusan disiplin harus mencapai 'zero defect' bagi menangani masalah disiplin dalam kalangan murid sekaligus dapat membantu murid mencapai makna hidup murid secara berkesan di sekolah tanpa salah laku.

Makna hidup murid dalam arus gejala sosial inilah melahirkan satu keperluan wajib murid harus dicapai oleh dirinya (Karaman, 2020; Elliott & Shin, 2002; Steger & Kashdan, 2007). Selain itu, golongan murid juga bakal pewaris negara maka kegiatan merekalah yang selalu mendapat perhatian serius daripada guru-guru disiplin di sekolah. Setiap murid terdapat satu penetapan tujuan dalam makna hidup mereka sendiri untuk mencapai makna hidup yang ditetapkan sendiri (Li et al., 2021). Masalah disiplin sering kali dikaitkan dengan pengurusan disiplin (Krskova et al., 2020) dengan makna hidup (Steger & Frazier, 2005) dalam kalangan murid di sekolah. Cabaran besar kepada guru disiplin walau apa tindakan yang diambil pun masalah ini tidak pernah mencapai titik noktah tamat, tambahan pula timbulnya rasa tidak berpuas hati atas tindakan dan hukuman yang dikenakan kepada murid. Rentetan daripada masalah tersebut, guru disiplin harus mempunyai pengetahuan secukupnya dan melaksanakan tugasnya dengan mengambil langkah-langkah sewajarnya (Kalaichalvi, 2012).

Evolusi sosial pada masa kini telah melanda dunia remaja kita pada hari ini. Makna hidup sebagai satu inspirasi pendirian mewujudkan tujuan hidup individu untuk mendapatkan kepuasan hidup di sekolah. Hal ini menjurus kepada gejala sosial dapat mempengaruhi makna hidup setiap murid di sekolah. Dengan ini, penetapan makna hidup murid merangkumi sosial hidup mereka di sekolah. Oleh hal yang demikian bermakna, penetapan tujuan makna hidup remaja ini hanya berfokus di sekolah kerana kebanyakan masa mereka banyak di sekolah berbanding di rumah. Lantaran itu, murid-murid akan menetapkan satu tujuan makna hidup mereka di

sekolah sebagai satu ukuran kepuasan diri sendiri. Peranan estim diri dianggap sebagai salah satu faktor peramal yang kuat terhadap makna hidup murid di sekolah dalam penetapan tujuan hidup murid. Sebaliknya, estim diri melibatkan harga diri murid (Feshbach et al., 1996). Masalah disiplin memang dikesan lebih ketara dalam kalangan murid di sekolah kerana peranan estim diri menjurus kepada makna hidup murid di sekolah. Kajian ini turut dijelaskan oleh Duffy et al. (2006) bahawa peranan estim diri menjadi pengantara ketara dalam penilaian peribadi sendiri terhadap sesuatu perkara (Rosenberg et al., 1995).

Hal ini dapat dilihat gejala sosial ini juga berjaya mempengaruhi tingkah laku murid di sekolah. Salah satu masalah gejala sosial ini yang dihadapi ialah masalah buli di sekolah. Masalah buli merupakan masalah yang terdapat di dalam institusi persekolahan. Peranan tingkah laku buli antara satu masalah salah laku kian meningkat di sekolah menengah yang kini dianggap sebagai salah satu masalah disiplin yang semakin serius. Selain itu, peranan tingkah laku buli juga sebagai penyumbang kepada makna hidup murid di sekolah. Hasil kajian lepas menyatakan bahawa peranan tingkah laku buli di sekolah dapat mempengaruhi makna hidup murid (Deb et al., 2022; Drinkwater et al., 2022).

Kajian pengurusan disiplin (Halim et al., 2020; Hallinger, 2020; Wahab, 2020) terhadap makna hidup murid (Rigby, 2003; Steger, 2006, Steger, 2012 Achour et al., 2014) menjadi topik utama menarik untuk diterokai. Peranan estim diri sebagai mediator (Alsaker & Kroger, 2020; Ariffin & Iksan, 2021; Branden, 2021; Ab Razak et al., 2022) juga berpotensi dikaji dalam kajian ini. Selain daripada itu, peranan tingkah laku buli sebagai moderator turut diberi perhatian untuk diterokai dalam kajian ini (Chow et al., 2020; Husin et al., 2020; Isa et al., 2020; Deb et al., 2022; Hallsworth, 2023; Ismi & Badayai, 2023; Suffian & Ghazali, 2023). Oleh itu, satu

kajian empirikal kajian berkaitan dengan pengurusan disiplin, peranan estim sendiri, peranan tingkah laku buli dan makna hidup harus dikaji.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Kalaichavi (2012), tujuan utama pengurusan disiplin dalam kalangan murid di sekolah adalah untuk menangani kes-kes disiplin di sekolah. Walaupun kawalan disiplin di sekolah telah dilaksanakan, namun masih lagi terdapat isu-isu seperti buli di sekolah. Kejadian kes-kes buli tersebut telah menggambarkan keseriusan kejadian jenayah dalam kalangan murid di sekolah. Semakin hari kes buli ini, semakin berleluasa di negara ini (Isa et al., 2020). Isu ini sungguh memalukan memandangkan negara kita sekarang merupakan negara yang sedang pesat membangun. Contohnya, terdapat sebanyak 42 kes buli direkodkan berlaku di sekolah-sekolah diseluruh Perak sehingga bulan Julai tahun ini, berbanding dua kes sahaja sepanjang tahun 2021 (Jaafar et al., 2023).

Masalah disiplin dalam kalangan murid menjadi semakin rumit dengan pelbagai salah laku buli yang dilakukan oleh murid pada abad ke-21 ini (Dahaman et al., 2023). Penglibatan murid dalam kegiatan membuli ini bukan sahaja memberi impak negatif terhadap sahsiah murid malah menjadi satu halangan kepada sekolah untuk meneruskan hasrat melahirkan modal insan berkepimpinan disiplin tinggi pada masa akan datang. Memandangkan pengurusan disiplin di sekolah menengah memainkan peranan penting (Said et al., 2013) untuk pengurusan disiplin lebih berkemahiran bagi menangani masalah buli di sekolah maka tumpuan utama kajian ini di negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang perlu dilaksanakan disebabkan jurang kajian lepas jarang berlaku. Pengurusan disiplin, makna hidup murid, peranan estim

kendiri dan peranan tingkah laku buli menjadi aspek menarik untuk dikaji lebih teliti dalam kajian ini berdasarkan kajian-kajian lepas.

1.2.1 Pengurusan Disiplin (Menghasilkan Makna Hidup Murid)

Pengurusan disiplin memainkan peranan utama untuk makna hidup murid agar dapat dicapai di sekolah. Makna hidup murid dapat ditingkatkan dengan peningkatan matlamat hidup murid di sekolah. Oleh itu, pengurusan disiplin memerlukan peranan guru disiplin untuk mengenal pasti dan memahami pelaksanaan tindakan tata tertib guru disiplin dengan cara betul. Pernyataan ini disokong oleh Purnayasa (2018) pengurusan disiplin dapat membantu murid dalam mencari tujuan kehidupan di sekolah untuk menghasilkan makna hidup murid dengan cara betul di sekolah. Hal ini bererti, seseorang guru disiplin berperanan penting dalam mengurus disiplin murid untuk mempengaruhi makna hidup murid (Zain, 2022).

Rusnita dan Mulyadi (2021) menjelaskan terdapat hubungan signifikan antara pengurusan disiplin dengan makna hidup murid di sekolah. Peningkatan makna hidup murid sangat penting supaya dapat membina hubungan yang lebih kukuh antara guru disiplin secara berkesan. Tambahan pula, peranan guru disiplin dalam mewujudkan pengetahuan murid berkaitan dengan peranan guru disiplin tugasnya menjurus kepada peraturan sekolah (Sriwidianti & Lukitoaji, 2023). Peraturan sekolah berasaskan kepada ukuran tujuan makna hidup murid di sekolah dengan cara betul tanpa melanggar peraturan sekolah (Ghani et al., 2017).

Pandangan murid terhadap peranan guru disiplin dikatakan penting (Hoffman, 2015) kerana dapat mengukur tahap pengetahuan murid untuk memahami tugas guru disiplin di sekolah. Peranan guru disiplin dapat menunjukkan peraturan disiplin kepada murid seperti konsep disiplin dan peraturan, pelanggaran peraturan dan

hukuman, tanggungjawab lembaga disiplin sekolah, strategi memantapkan disiplin di sekolah dan badan pentadbiran sekolah (disiplin) dan penasihat Hal Ehwal Murid (HEM) secara tidak langsung di sekolah.

Menurut Kalaichavi (2012) dalam kajiannya juga turut menunjukkan tidak terdapatnya perbezaan dalam pengetahuan guru tentang pengurusan disiplin berdasarkan faktor jantina dan tempoh perkhidmatan sebagai guru disiplin serta menunjukkan terdapatnya perhubungan antara tahap pengetahuan tentang pengurusan disiplin murid dan tahap pelaksanaan pengurusan disiplin dalam kalangan guru disiplin. Kesannya, kajian ini menyentuh tentang perlunya guru-guru disiplin meningkatkan tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pengurusan disiplin dari segi pelanggaran peraturan dan hukuman yang setimpal mengikut prinsip-prinsip pengurusan disiplin murid berdasarkan Model Pengurusan disiplin KPM (1988) yang dikhususkan dalam pengurusan disiplin pelajar. Disamping itu, kajian oleh Eggleton (2001) turut menjelaskan bahawa keperluan untuk menjayakan pengurusan disiplin di sekolah memerlukan tindakan segera oleh guru disiplin untuk membendung masalah disiplin buli yang timbul di sekolah pada masa kini (Halim et al., 2020).

Kesimpulannya, pengurusan disiplin dapat menghasilkan makna hidup murid di sekolah secara berkesan melalui peranan guru disiplin. Pandangan murid dengan peranan estim sendiri cara betul dapat meningkatkan lagi makna hidup murid di sekolah tanpa keraguan terhadap peranan guru disiplin di sekolah.

1.2.2 Peranan Estim Kendiri (Menghasilkan Makna Hidup Murid)

Peranan estim sendiri berdasarkan jurang kajian empirikal memnunjukkan estim sendiri berpotensi mempengaruhi makna hidup murid di sekolah (Hewitt, 2020; Saiphoo et al., 2020; Rubio, 2021; Ting & Rahman, 2023). Tumpuan kajian melihat

peranan estim sendiri untuk menghasilkan makna hidup murid di sekolah berdasarkan matlamat hidup murid dalam mencari tujuan kehidupan secara berkesan (Zhang & Leung, 2012). Oleh itu, estim sendiri memainkan peranan penting untuk mengenal pasti dan memahami kepuasan hidup dengan betul. Peranan estim sendiri mempunyai kekuatan untuk mengenal pasti penilaian murid terhadap dirinya sendiri. Tujuannya adalah untuk mencapai makna hidup murid (Casas et al., 2002). Pernyataan ini disokong oleh kajian Jafar dan Hassan (2016) menjelaskan bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana antara peranan estim sendiri dengan makna hidup murid.

Berdasarkan kajian oleh Natvig et al. (2003) juga menyatakan bahawa peranan estim sendiri penting dalam menghasilkan makna hidup murid. Kajian yang dijalankan oleh Moon et al. (2021) menjelaskan bahawa tujuan makna hidup murid dihasilkan daripada kepuasan perasaan murid untuk memuaskan keperluan psikologi sendiri. Kesimpulannya, peranan estim sendiri berpotensi menghasilkan makna hidup murid di sekolah dalam kajian ini.

1.2.3 Pengurusan Disiplin (Menghasilkan Peranan Estim Kendiri)

Pengurusan disiplin dapat menghasilkan peranan estim sendiri dalam kalangan murid di sekolah. Pelaksanaan tindakan tatatertib ini mempengaruhi peranan estim sendiri dalam kalangan murid di sekolah (Kalaichalvi, 2012). Oleh itu, peranan estim sendiri melibatkan perasaan murid menilai sesuatu dengan dirinya sendiri. Pengurusan disiplin dapat menghasilkan peranan estim sendiri dalam kalangan murid di sekolah secara lebih berkesan.

Dengan memasukkan peranan estim sendiri ke dalam suatu pandangan sebagai penilaian murid terhadap dirinya sendiri dapat menilai peranan guru disiplin

di sekolah. Peranan estimasi sendiri merupakan satu set penilaian pribadi yang melibatkan penilaian pribadi terhadap pengurusan disiplin (Rubio, 2021). Hal ini memberikan penilaian yang dihubungkan dengan penilaian peraturan sekolah (Ariffin & Iksan, 2021). Dengan ini, peranan estimasi sendiri memperlihatkan tahap peranan estimasi sendiri dalam kalangan murid berasa lebih yakin dengan pengetahuan dirinya khususnya peraturan sekolah. Pengetahuan murid tentang asas kawalan disiplin terutamanya cara menentukan kesalahan disiplin, cara melaksanakan proses disiplin dan cara mengambil tindakan disiplin meyakinkan murid untuk membuat penilaian terhadap pengurusan disiplin (Kasim et al., 2022). Penghasilan estimasi sendiri dapat dilihat berdasarkan penilaian murid terhadap pengurusan disiplin dalam pelbagai perspektif sama ada perspektif penilaian positif atau negatif (Gonçalves et al., 2016). Implikasi estimasi sendiri dalam perspektif positif meyakinkan murid membuat perspektif penilaian positif terhadap pengurusan disiplin dan sebaliknya (Weist & Cooley-Quille, 2001; Dodge & Pettit, 2003).

Kesimpulannya, pengurusan disiplin dapat mempengaruhi peranan estimasi sendiri dalam kalangan murid di sekolah. Penilaian pengurusan disiplin berdasarkan pandangan murid berkaitan dengan perasaan diri terhadap pelaksanaan pengurusan disiplin sekolah yang memerlukan peranan guru disiplin untuk memberi kepuasan murid secara berkesan. Penyelidikan dalam kajian oleh Osher et al. (2010) dan Heatherton dan Wyland (2003) menunjukkan bahawa penilaian peranan estimasi sendiri murid terhadap pengurusan disiplin mengutamakan pembangunan kepuasan cenderung menilai berdasarkan pandangan murid sendiri.

1.2.4 Peranan Tingkah laku buli (Menghasilkan Makna Hidup Murid).

Tingkah laku buli berperanan dalam menghasilkan makna hidup murid di sekolah. Yung et al. (2019) turut menyatakan bahawa terdapat perbezaan pandangan antara murid dan guru berkenaan kekerapan buli dalam kalangan murid sekolah menengah (Eng, 2016). Perlakuan buli secara verbal merupakan perlakuan buli yang paling kerap berlaku berbanding perlakuan buli secara fizikal (McCormack et al., 2020). Berdasarkan pandangan guru dan murid juga bersependapat bahawa mereka perlu sedar dan saling bekerjasama untuk mencegah dan menangani masalah perlakuan buli ini di sekolah. Tahap keinginan murid untuk membuli berada pada tahap yang rendah (Deb et al., 2022).

Tingkah laku yang dipelajari dan bukannya satu tingkah laku yang wujud secara semulajadi dalam diri individu (Bandura, 1988). Menurut beliau lagi, antara ciri-ciri utama di mana sesuatu tingkah laku dipelajari pelakunya sendiri dengan adalah mengenai ciri-ciri persamaan yang terdapat di antara pelaku dengan orang yang ditiru. Mereka lebih cenderung dipengaruhi oleh seseorang yang penampilannya seperti mereka (McCormack et al., 2020; Mohamad et al., 2021).

Dalam kajian Bandura (1998) juga mendapati kadar peniruan tingkah laku berkurangan jika ciri-ciri persamaan antara remaja dan model kurang. Selain itu, usia dan jantina model juga memainkan peranan dalam peniruan tingkah laku. Beliau mendapati manusia lebih cenderung meniru model yang sama jantina dengannya. Umur juga mempengaruhi peniruan tingkah laku seseorang (Aldridge, 2016). Contohnya, murid didapati mudah terpengaruh dengan tingkah laku rakan sebaya (Isa, 2020).

Tindakan seseorang murid membuli dengan menggunakan keganasan fizikal atau mental terhadap murid lain menjadi asas dalam mencapai makna hidup murid di sekolah (Nor Junainah et al., 2019). Oleh itu, tingkah laku jenis ini boleh membawa kepada bahaya atau kesakitan kepada orang lain, termasuk mangsa buli seperti mengejek, memboikot dan memukul (Zhang et al., 2019). Oleh itu, kecenderungan ciri-ciri pembuli berkaitan dengan tingkah laku menjadi mekanisme menghasilkan makna hidup murid melalui perlakuan mereka sama secara sengaja atau tidak sengaja tanpa diketahui (Offem et al., 2019).

Murillo dan Román (2011) mendapati bahawa buli adalah masalah serius di seluruh Amerika Latin mereka menunjukkan bahawa murid yang mengalami gangguan rakan sebaya mereka mempunyai prestasi yang lebih rendah dalam membaca berbanding mereka yang tidak dan murid yang berada di dalam bilik darjah dengan lebih banyak keganasan fizikal atau lisan menunjukkan prestasi yang lebih teruk daripada mereka yang berada dalam persekitaran bilik darjah yang kurang ganas (Soedjatmiko, 2016). Menurut Konishi et al. (2010) pula mendapati bahawa buli sekolah memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik serta gangguan makna kehidupan mereka. Kajian oleh Thomas et al. (2016), mendapati remaja melaporkan kelaziman yang tinggi bagi peranan tingkah laku buli. Dapatan kajian menunjukkan peranan tingkah laku buli merupakan peramal kepada makna hidup murid (Al-Ali & Shattnawi, 2018; Demirbağ et al., 2017; Raja Azrul Hisham et al., 2017; Figula et al., 2019).

Kesimpulannya, peranan tingkah laku buli dapat menghasilkan makna hidup murid di sekolah (Aldridge, 2016) untuk mencapai matlamat hidup seseorang pembuli dalam mencari tujuan makna dalam kehidupan di sekolah (Chow et al., 2020; Wang & Liu, 2021; Deb et al., 2022; Drinkwater et al., 2022).

1.3 Penyataan Masalah

Gejala sosial menjadi suatu fenomena modenisasi dan kejutan budaya melanda golongan remaja pada masa kini. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2023) telah memaparkan statistik salah laku di Malaysia secara keseluruhannya masih melibatkan golongan remaja. Oleh itu, memandangkan kerumitan isu kes salah laku seperti buli di Malaysia masih berlaku peningkatan maka pengurusan disiplin secara berkesan harus bermula di sekolah (Ismail & Othman, 2020).

Sekolah merupakan wadah pendidikan yang sentiasa berusaha untuk memperkembang potensi individu dari segi jasmani, emosi, rohani, sosial dan intelek serta dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan sahsiah murid (Maalip et al., 2020). Dengan ini, guru dipertanggungjawabkan untuk mengurus masalah disiplin yang berlaku di sekolah (Ismail & Othman, 2020). Hal ini melibatkan guru disiplin kerana dianggap sebagai guru yang paling digeruni di sekolah, malah lebih digeruni daripada guru besar (Kadir, 2022). Menurut Helfitriani dan Wahab (2020) turut menjelaskan bahawa guru yang mempunyai perwatakan sedemikian lebih kerap diberi kepercayaan oleh pihak sekolah untuk menjalankan tugas yang berat ini dengan sempurna (Halim et al., 2020). Secara hakikatnya, peranan guru dalam mendisiplinkan murid menjadi satu cabaran dalam menguruskan salah laku murid (Kalaichalvi, 2012). Pengurusan disiplin berdasarkan peraturan sekolah menjadi satu perkara yang sukar untuk dipandang baik oleh murid terhadap pengurusan disiplin sekolah. Hal ini disebabkan pengurusan disiplin di sekolah menetapkan peraturan yang perlu dipatuhi oleh murid-murid sedangkan gejala sosial pada hari ini melanda jiwa remaja melalui media elektronik (Krskova et al., 2020). Selain dari itu, pandangan murid terhadap peranan guru disiplin juga sering dikaitkan dengan persepsi yang pelbagai terhadap guru disiplin selaku penguatkuasaan

peraturan dan disiplin di sekolah dalam kalangan murid-murid di sekolah (Oxley & Holden, 2022).

Rentetan daripada itu, pandangan murid kepada peranan guru disiplin di sini bukan membimbing tetapi menghukum mereka, sebaliknya murid melihat pelaksanaan hukum bersifat mendenda mereka di sekolah (Mohd Ismail, 2006). Pengukuhan turut dijelaskan oleh Rusnita dan Mulyadi (2021) bahawa guru disiplin mengambil tindakan dalam pandangan murid sendiri tidak adil atau murid tidak puas hati dengan tindakan guru disiplin. Bermulalah titik tolak penerokaan kajian berkaitan dengan pandangan murid terhadap peranan guru disiplin menguruskan salah laku di sekolah untuk dikaji kerana lompang-lompang kajian banyak mengkaji hanya dalam pandangan skop guru terhadap masalah disiplin murid di sekolah sahaja.

Makna hidup murid bersandarkan pengurusan disiplin di sekolah. Pengurusan disiplin yang diuruskan oleh guru disiplin mengundangkan makna hidup murid di sekolah dalam skop pandangan murid sendiri (Zakaria et al., 2018). Pemahaman murid dalam mematuhi peraturan sekolah menjadi asas dalam mencapai makna hidup murid di sekolah. Contohnya, pandangan murid secara positif akan memberi makna hidup kepada murid di sekolah secara berpuas hati sekiranya mereka dikenakan hukuman atas pelanggaran peraturan disiplin sekolah (Chow et al., 2020). Guru disiplin memainkan peranan penting dalam makna hidup murid di sekolah (Karaman, 2020).

Berbalik kepada masalah disiplin murid dikatakan peranan estim sendiri menjadi penguat terhadap makna hidup murid di sekolah. Peranan estim sendiri merupakan suatu bentuk penilaian bersifat peribadi diri (Alsaker & Kroger, 2020) turut mempengaruhi hubungan antara pengurusan disiplin dengan makna hidup

murid di sekolah. Oleh itu, peranan estim sendiri menjadi penilaian individu terhadap dirinya sendiri dapat dilihat melalui tingkah lakunya dalam kehidupan seharian di sekolah (Rosenberg, 1995). Hal ini ternyata peranan estim sendiri mempengaruhi makna hidup murid di sekolah (Cingel et al., 2022). Peranan estim sendiri dalam kalangan murid dapat diukur dan dinilai melalui tingkah laku murid di sekolah.

Seperti sedia maklum salah laku dan masalah disiplin dalam kalangan murid sekolah bukanlah satu isu baru. Kekerapan melakukan kesalahan murid di sekolah sememangnya berlaku. Kajian tentang masalah salah laku melibatkan murid sekolah menengah paling ketara dalam kajian Rokiah (2000). Salah laku murid dapat dilihat melalui tingkah laku murid di sekolah. Walau bagaimanapun, peranan guru disiplin tidak pernah jemu malah bertungkus lumus mengambil tindakan ke atas murid-murid yang terlibat dengan peranan tingkah laku buli seperti membuli mental atau fizikal di sekolah (Mohd Yusoff et al., 2022). Peranan tingkah laku buli dalam kalangan murid juga menjadi satu penanda makna hidup murid dicapai atau sebaliknya (Patil, 2022; Suffian & Ghazali, 2023). Kajian empirikal harus dilakukan terhadap pengurusan disiplin, tingkah laku buli, estim sendiri dan makna hidup murid berdasarkan jurang kajian sebelum ini. Pengkaji berminat untuk mengkaji keempat pemboleh kaian ini untuk lebih lanjut.

1.4 Objektif Kajian

Secara keseluruhannya, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh pengurusan disiplin terhadap makna hidup murid manakala peranan estim sendiri murid berperanan sebagai mediator dan peranan tingkah laku buli berperanan sebagai moderator. Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengenal pasti tahap pengurusan disiplin, peranan tingkah laku buli, peranan estim sendiri dan makna hidup murid.
2. Mengkaji pengaruh pengurusan disiplin dengan makna hidup murid.
3. Mengkaji pengaruh peranan estim sendiri dengan makna hidup murid.
4. Mengkaji pengurusan disiplin dengan peranan estim sendiri.
5. Meneliti peranan estim sendiri sebagai mediator terhadap hubungan antara pengurusan disiplin dengan makna hidup murid.
6. Meneliti peranan tingkah laku buli sebagai moderator terhadap hubungan antara pengurusan disiplin dengan makna hidup murid.

1.5 Persoalan kajian

Antara persoalan kajian yang dikemukakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap pengurusan disiplin, peranan tingkah laku buli, peranan estim sendiri dan makna hidup murid.
2. Adakah terdapat pengaruh pengurusan disiplin dengan makna hidup murid?
3. Adakah terdapat pengaruh pengurusan disiplin dengan peranan estim sendiri?
4. Adakah terhadap pengaruh peranan estim sendiri terhadap makna hidup murid.
5. Adakah peranan estim sendiri sebagai mediator terhadap hubungan hubungan antara pengurusan disiplin dengan makna hidup murid?
6. Adakah peranan tingkah laku buli sebagai moderator terhadap hubungan antara pengurusan disiplin dan makna hidup murid?

1.6 Hipotesis kajian

Berdasarkan objektif dan persoalan kajian di atas hipotesis alternatif berikut telah dibentuk dan pengujianya dilakukan pada aras kesignifikan $p < 0.05$.

- H1: Terdapat pengaruh pengurusan disiplin secara signifikan terhadap makna hidup murid.
- H2: Terdapat pengaruh peranan estim sendiri secara signifikan terhadap makna hidup murid.
- H3: Terdapat pengaruh pengurusan disiplin secara signifikan terhadap peranan estim sendiri.
- H4: Terdapat pengaruh peranan estim sendiri sebagai mediator secara signifikan terhadap hubungan antara pengurusan disiplin dengan makna hidup murid.
- H5: Terdapat pengaruh peranan tingkah laku buli sebagai moderator secara signifikan terhadap hubungan antara pengurusan disiplin dengan makna hidup murid.

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kajian ini dapat memenuhi perencanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) iaitu untuk menghasilkan murid yang dilengkapi dengan kepimpinan secara berwibawa dan berintegriti tinggi. Murid seharusnya diberi pendedahan pengetahuan berkaitan dengan peraturan di sekolah secara lebih terperinci. Oleh itu, pengurusan disiplin dapat memberi kesan kepada makna hidup murid di sekolah dengan lebih berkualiti. Selain itu, Pejabat Pendidikan Daerah

(PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan program berkaitan dengan peraturan-peraturan sekolah yang relevan kepada murid agar pandangan murid positif dalam mematuhi peraturan sekolah. Dengan melalui kajian ini, pandangan murid terhadap peranan guru disiplin lebih positif untuk mencapai makna hidup murid di sekolah.

1.7.2 Pentadbiran Sekolah

Kajian ini dapat membantu pihak pentadbiran sekolah merancang dan mengurus atur program bagi membentuk kesedaran murid tentang makna hidup. Kempen dan modul yang khusus yang sesuai dengan pengurusan disiplin perlu dijana untuk mencegah serta menyekat perlakuan buli. Selain itu, pihak sekolah perlu sentiasa memberi sokongan kepada pengurusan disiplin untuk mengambil tahu dan mengambil tindakan terhadap sebarang isu atau program yang berkaitan dengan disiplin. Perkara ini perlu bagi mewujudkan hubungan yang baik antara disiplin dan peranan tingkah laku buli di sekolah berlaku. Kajian ini penting kerana hal ini membantu pentadbiran disiplin membantu murid belajar daripada kesilapan mereka.

1.7.3 Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)

Selain itu, kajian ini juga membantu peranan guru disiplin membimbing ibu bapa untuk meningkatkan peranan ibu bapa melibatkan diri dalam memudahkan pengurusan disiplin murid di sekolah. Kajian ini dapat meningkatkan penyertaan ibu bapa di sekolah sebagai peluang untuk mengadakan permaufakatan dengan pihak sekolah dalam membuat keputusan dan pengawalan aktiviti sekolah. Ketersediaan peranan ibu bapa untuk turut terlibat dalam proses membuat keputusan berkait rapat dengan tahap pengupayaan yang diberikan oleh pihak sekolah (Rozumah & Salma,

1985). Dengan ini, masalah disiplin menjadi topik penting dalam kalangan ibu bapa dan guru yang membawa kepada keruntuhan nilai murni di sekolah.

Masalah disiplin tingkah laku buli berlaku di mana-mana sekolah disebabkan murid-murid kurang tentang pengetahuan ciri-ciri sebagai seorang pembuli sebaik mungkin. Sikap berkehendak dengan cara salah telah mempengaruhi makna hidup murid di sekolah (Yunus, 2012). Berdasarkan isu dan kes disiplin ini dapatlah meningkatkan pemahaman antara guru dan ibu bapa dalam pengurusan disiplin dengan cara pelaksanaan tindakan tatatertib kepada murid salah laku di sekolah melalui penglibatan ibu bapa di sekolah. Pemahaman pelaksanaan dan tindakan tatatertib guru dapat dibincangkan dan memberi panduan kepada ibu bapa tentang kuasa seorang guru disiplin di sekolah (Rohida Aini & Mohd Ismail, 2020). Jesteru, hubungan antara ibu bapa dan guru membangunkan hubungan yang lebih baik. Peranan guru disiplin mengundangkan pandangan ibu bapa secara positif dengan persediaan dan pemahaman tatacara tindakan disiplin sebenar terhadap anaknya (Nor, 2013). Perkara ini akan sekaligus mempengaruhi murid-murid untuk berpandangan positif dalam mematuhi peraturan sekolah dan keadilan yang saksama diberikan oleh guru disiplin.

1.7.4 Teori Sosial Pembelajaran Bandura

Kajian ini juga membantu pemahaman Teori Sosial Pembelajaran Bandura dalam pengurusan disiplin di sekolah. Teori ini menekankan konsep pendahuluan pembelajaran dan kepentingan mengiktiraf peranan proses kognitif sebagai sebahagian daripada perubahan tingkah laku (Bandura, 1977). Dengan ini, teori ini dapat diaplikasikan oleh guru disiplin dalam mengurus disiplin murid di sekolah. Teori ini membantu guru disiplin dalam memahami komponen tingkah laku seperti

aspek latihan, kemahiran dan amalan dalam mengurus disiplin murid di sekolah (Bandura, 1988). Tingkah laku guru disiplin memainkan peranan penting dalam menghasilkan makna hidup murid di sekolah. Hal ini disebabkan faktor kognitif dalam teori ini melibatkan elemen misalnya pengetahuan, jangkaan, sikap dan efikasi sendiri membawa kepada pemahaman tentang norma sosial.

Teori pembelajaran sosial mencadangkan bahawa individu memperoleh tingkah laku baru dengan memerhati orang lain dan memodelkan tindakan mereka (Ali et al., 2020). Hal ini menerangkan bagaimana guru disiplin belajar untuk menyerlahkan kepentingan konteks sosial dan pengaruh model peranan terhadap tingkah laku menghasilkan makna hidup murid. Teori pembelajaran sosial ini sering digunakan untuk memahami bagaimana individu belajar dan menggunakan tingkah laku baharu dalam pelbagai konteks seperti kemahiran pengurusan disiplin oleh guru disiplin dalam kalangan murid di sekolah (Bandura, 1977).

Seterusnya, teori ini juga membantu guru disiplin kepada murid untuk belajar melalui pemerhatian, peniruan dan pemodelan melalui tingkah laku guru disiplin di sekolah (Nabavi, 2012). Tingkah laku buli dapat ditangani sekiranya murid dapat mengenal pasti dan meniru tingkah laku tindakan secara berkesan dan membangunkan peranan tingkah laku yang diperlukan selari dengan peraturan sekolah yang ditetapkan (Bandura, 1978). Oleh hal yang demikian, teori ini juga dapat membimbing murid menghasilkan peranan estim sendiri dalam menghasilkan makna hidup murid secara tepat. Peranan estim sendiri digunakan untuk memahami bahawa penilaian berdasarkan keperluan asas psikologi individu (McLeod, 2011).

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan agar fokus kajian adalah berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Batasan kajian ini hanya membataskan fokus kajian kepada empat pemboleh ubah iaitu pengurusan disiplin, peranan estim sendiri, peranan tingkah laku buli dan makna hidup murid. Selain itu, kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama mengumpul data. Data yang diperoleh melalui soal selidik merupakan pandangan dan pandangan responden kajian semata-mata.

Oleh itu, dapatan kajian bergantung kepada kejujuran responden terhadap pernyataan yang dikemukakan. Terdapat kemungkinan responden menjawab pernyataan dalam soal selidik dengan tujuan meningkatkan persepsi mereka dan orang lain ke atas diri mereka. Kelemahan ini cuba dikurangkan dengan memberi soal selidik yang mudah difahami oleh guru. Sehubungan itu, kajian ini hanya melibatkan pemilihan sampel murid tingkatan 4 sekolah menengah harian yang terletak di negeri-negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif sepenuhnya.

1.9 Definisi Operasional Kajian

1.9.1 Pengurusan Disiplin

Pengurusan merujuk kepada sekolah sebagai sebuah organisasi yang terdiri daripada sumber manusia seperti guru besar, guru-guru, murid-murid, staf sokongan dan pekerja-pekerja swasta dan sebagainya. Proses pengurusan dalam organisasi sosial seumpama ini adalah sangat penting untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Oleh itu, pengurusan disiplin melibatkan seseorang pengetua dan guru disiplin dalam melaksanakan tugas mendisiplinkan murid yang melibatkan proses merancang,

mengelola, mengawal, mengatur dan menggunakan sumber-sumber sebagai panduan untuk mencapai objektif dalam kajian Kalaichalvi (2012) dengan menggunakan instrumen Pengurusan Disiplin Murid Sekolah sebanyak 62 item.

Dalam kajian ini pengurusan disiplin didefinisikan sebagai pandangan seseorang murid terhadap peranan guru disiplin dalam melaksanakan disiplin di sekolah. Kajian ini hanya diukur dalam satu dimensi sahaja iaitu pengurusan disiplin melibatkan 18 item sahaja. Kajian ini dijalankan menggunakan instrumen Pengurusan Disiplin yang diubahsuai oleh Kalaichalvi (2012).

1.9.2 Peranan Tingkah Laku Buli

Tingkah laku buli sebagai menilai ciri-ciri utama buli seperti pengulangan tingkah laku dari semasa ke semasa dan sengaja bertindak untuk mengaibkan, mengancam, atau membahayakan seseorang Gonçalves et al. (2016). Instrumen *Olweus Bully/Victim Questionnaire* (OBVQ) terdapat 23 item untuk diukur dalam kajiannya dengan melibatkan dua pemboleh ubah iaitu pembuli dan mangsa.

Dalam kajian ini tingkah laku buli merujuk kepada peranan tingkah laku buli seseorang murid bertindak untuk membuli di sekolah dari semasa ke semasa. Hal ini dapat dilihat dalam kajian ini dengan mengukur peranan tingkah laku buli merangkumi satu dimensi (pembuli) sahaja mengadungi 22 item sahaja.

1.9.3 Peranan Estim Kendiri

Peranan estim kendiri ditakrifkan sebagai penilaian harga diri dengan mengukur perasaan positif dan perasaan negatif terhadap diri sendiri (Rosenberg, 1960). Kajian ini menggunakan instrumen *Rosenberg Self-Esteem Scale Greek*

Validation on Student Sample (RSES) untuk mengukur peranan estim sendiri yang dikemukakan oleh Galanou et al. (2014) dengan 10 item sahaja.

Kajian ini pula mentakrifkan peranan estim sendiri sebagai penilaian harga diri yang diukur dengan perasaan murid terhadap dirinya sendiri. Oleh sebab itu, instrumen dalam kajian ini mengukur satu dimensi kajian mengadungi 10 item sahaja.

1.9.4 Makna Hidup Murid

Makna hidup didefinisikan sebagai kehadiran makna iaitu sejauh mana individu merasakan kehidupan mereka mempunyai makna dan mencari makna bererti ramai individu berusaha untuk mencari makna dan pemahaman mereka dalam kehidupan. Kajian ini hanya melibatkan satu dimensi sahaja. Dalam kajian ini makna hidup murid diukur dengan menggunakan instrumen *The Meaning in Life Questionnaire Assessing the Presence of and Search for Meaning in Life* (MLQ) yang diasaskan oleh Steger et al. (2006) dengan menggunakan 10 item yang sedia ada.

Dalam kajian ini makna hidup murid ditakrifkan sebagai perasaan merasai kepuasan tujuan hidup di sekolah. Kajian ini juga menggunakan instrumen ini untuk mengukur makna hidup murid. Oleh sebab itu, kajian ini melibatkan satu dimensi sahaja iaitu mencari makna hidup yang mengandungi 10 item untuk diukur.

1.10 Rumusan

Bab ini membincangkan pendahuluan, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian delimitasi kajian, definisi operasional. Dalam bab ini pengurusan disiplin penting untuk dilihat dalam kajian ini. Hal ini menjadi tunggak utama dalam kajian ini untuk melihat

makna hidup murid di sekolah. Terdapat beberapa masalah disiplin telah menimbulkan peranan guru disiplin untuk melahirkan modal insan yang lebih berdisiplin. Estim sendiri berperanan sebagai mediator dalam kajian ini untuk melihat makna hidup murid di sekolah. Selain itu, tingkah laku buli juga berperanan sebagai moderator dalam kajian ini untuk melihat makna hidup murid di sekolah. Kajian emprikal harus dilakukan terhadap pengurusan disiplin, peranan tingkah laku buli, peranan estim sendiri dan makna hidup murid dalam kajian ini.

BAB 2

SOROTON KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan konsep pengurusan disiplin (PD), serta definisi, model dan teori. Seterusnya, konsep tingkah laku buli (TLB), estimasi sendiri (EK) dan makna hidup murid (MHM) diteliti bersama dengan definisi, model, dan teori. Pengaruh antara hubungan pemboleh ubah ini dan hasilnya kemudian dibincangkan dalam bab ini. Bab ini juga merangkumi literatur tentang pengurusan disiplin (PD), peranan tingkah laku buli (TLB), peranan estimasi sendiri (EK) dan makna hidup murid (MHM). Kajian literatur memberi gambaran secara menyeluruh dan terperinci tentang kajian sedia ada pengaruh antara hubungan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang berkaitan.

2.2 Pengurusan Disiplin

Pengurusan disiplin melibatkan pengetahuan dan kemahiran guru disiplin yang melaksanakan setiap prosedur-prosedur peraturan di sekolah (Rusnita & Mulyadi, 2021). Rentetan daripada itu, pengurusan disiplin dalam kalangan murid melibatkan pengurusan sekolah iaitu sokongan sosial dalam komuniti sekolah kerana dapat meningkatkan tahap kawalan disiplin diri murid sendiri (Abdullah Sani, 2009). Tujuan utama pengurusan disiplin murid di sekolah ialah menangani kes-kes disiplin di sekolah agar murid sentiasa mematuhi peraturan sekolah.

Kesalahan yang dilakukan oleh murid bergantung dengan peluang yang diberi oleh guru disiplin kepada mereka sebelum tindakan dilakukan kepada murid (Serenko, 2021). Pemahaman peraturan sekolah dan peranan guru disiplin dalam

kuasa tindakan disiplin guru juga diambil berat oleh setiap murid kerana peraturan-peraturan yang dilaksanakan oleh guru disiplin mesti berdasarkan peraturan sekolah yang telah ditetapkan (Musa & Martha, 2020).

Selain itu, guru disiplin akan melakukan beberapa prosedur awal kepada salah laku murid sebelum melakukan hukuman agar dapat memberi keadilan yang sewajarnya kepada murid dan mempertimbangkan kes perlanggaran masalah disiplin tersebut untuk menentukan hukuman yang tepat (Hallinger, 2020). Kesimpulannya, guru disiplin memainkan peranan penting dalam menggunakan kuasa budi bicara terhadap murid yang terlibat dengan kekerapan kes buli sebelum melaksanakan tindakan hukuman yang sewajarnya dalam pengurusan disiplin (Oxley & Holden, 2022).

2.2.1 Konsep Pengurusan Disiplin

Konsep disiplin menjurus kepada peraturan atau undang-undang yang bertujuan untuk membentuk seorang individu yang tidak bertentangan dengan ajaran agama, norma masyarakat dan mematuhi undang-undang sesebuah negara (Ang, 2013). Selain itu, konsep disiplin juga dikatakan penggunaan pemikiran dan tingkah laku untuk mengawal diri dan mengikut peraturan untuk membantu individu belajar cara berkelakuan baik, mematuhi peraturan yang ditetapkan dan mengelakkan hukuman atau denda, peraturan ditetapkan dengan cara tertentu dan hukuman atau denda diberikan kerana melanggarnya (Ang, 2005; Sorensen et al., 2022). Seterusnya, persepektif humanistik melihat konsep disiplin ialah proses membantu individu untuk memikul tanggungjawab peribadi bagi tingkah laku mereka dalam penilaian antara betul dan salah (Lestari & Koto, 2020) atau proses membantu individu belajar dengan lebih berkesan dan membangunkan tingkah laku secara positif (Olley et al., 2010).